



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**HUMS**  
HOSPITAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI



Menurut Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, program kali ini adalah untuk menghargai inisiatif murni pihak BPMB terhadap sumbangan yang diberikan dalam penyediaan rawatan pemulihan kanak-kanak berkeperluan khas.

“Program ini sejajar dengan objektif utama penubuhan HUMS iaitu merintis perkhidmatan atau aktiviti kesihatan khusus untuk komuniti. Diharap keprihatinan ini menjadi satu momentum penting untuk memberikan sokongan dan rawatan yang berkualiti kepada penduduk luar bandar terutamanya kepada kanak-kanak yang berusia 18 tahun ke bawah.



## PROGRAM PELANCARAN PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI

Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) menganjurkan Program KPT Prihatin Madani bersama Sanjungan Budi Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) bagi rawatan pemulihan kanak-kanak berkeperluan khas di Pusat Pendidikan Perubatan Desa (PPPD), Kudat, pada 13 September 2023.



**TARIKH:**  
13 SEPTEMBER 2023



**LOKASI:**  
PUSAT PENDIDIKAN PERUBATAN DESA,  
UMS, KUDAT



“Ramai kanak-kanak berkeperluan khas memerlukan rawatan seperti kelewatan perkembangan global (GDD), sindrom down dan gangguan pembelajaran,” ujarnya ketika merasmikan program tersebut.

# PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly,

Tambah beliau, menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), seramai 589 kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah didiagnosis dengan Autism Spectrum Disorder (ASD) pada tahun 2021 berbanding hanya 99 kanak-kanak pada tahun 2010.



Beliau turut memaklumkan, sebahagian daripada sumbangan tersebut juga disalurkan bagi kursus Applied Behavior Analysis (ABA) untuk meningkatkan kemahiran perawat menjadi lebih berkualiti dan berkesan kepada lebih ramai keluarga B40 di sekitar Kudat.

Pada program itu juga, HUMS turut memberikan pelbagai perkhidmatan kepakaran dalam bidang kesihatan secara percuma kepada 143 orang terdiri daripada keluarga pesakit dan orang awam.



“Peningkatan yang ketara dari tahun ke tahun ini menunjukkan perlunya tindakan segera untuk mengenal pasti faktor penyebab dan sokongan yang lebih baik kepada kanak-kanak dan keluarga yang terjejas,” katanya.

Dalam pada itu, Pengarah HUMS, Prof. Dr. Helen Benedict Lasimbang berkata, suntikan dana sebanyak RM36,000 oleh pihak BPMB telah meningkatkan pemberian rawatan kesihatan kepada kanak-kanak daripada 12 orang kepada 38 orang pesakit.





# PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI

Turut hadir sama, Ketua Sumber Manusia Kumpulan BPMB, Datin Sainursalwa Sani; Timbalan Pengarah Klinikal HUMS, Muhammad Syafiq Abdullah; Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Inovasi HUMS, Dr. Nicholas Pang Tze Ping dan Ketua Pusat Pendidikan Perubatan Desa, Sikuati, Kudat, Dr. Mohd Faizal Madrin.



“Antara skop perkhidmatan kesihatan dan perubatan percuma yang disediakan oleh pasukan Hospital UMS ialah;

- Kaunter Pemeriksaan Mata
- Kaunter Rawatan Rehabilitasi
- Kaunter Bicara Kesihatan Mental
- Kaunter Saringan Telinga, Hidung dan Tekak
- Kaunter Pemeriksaan Pakar Radiologi

